

08 SEP 2002

Britain-Malaysia (Bergambar)/I

BEKAS MENTERI UK BERKATA MALAYSIA KINI SEBUAH NEGARA TERKEMUKA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Malaysia telah muncul sebagai sebuah anggota masyarakat antarabangsa yang terkemuka dan bertanggungjawab, kata seorang bekas Menteri Kabinet British yang kini berada di ibu negara.

Peter Mandelson, yang pernah berkhidmat dalam kerajaan parti Buruh yang memerintah sekarang ini sebagai Setiausaha Negara bagi Perdagangan dan Industri dan juga Setiausaha Negara bagi Ireland Utara berkata, sokongan Malaysia dalam memerangi keganasan antarabangsa telah meningkatkan kedudukannya di pentas dunia.

"Saya mahu menyatakan penghargaan kepada kerajaan Malaysia kerana sokongannya bagi kempen antarabangsa dalam memerangi keganasan, kedudukan Perdana Menteri anda dan pendirian konsisten beliau terhadap keganasan disambut baik di Britain.

"Itulah apa yang kita mahukan daripada sebuah anggota antarabangsa yang terkemuka dan bertanggungjawab seperti Malaysia hari ini," kata beliau kepada Bernama dalam satu temubual pada Khamis di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Britain, di sini.

Mandelson, seorang daripada sekutu paling rapat dengan Perdana Menteri Britain Tony Blair, berkata Blair akan menghubungi Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berbincang mengenai tindakan yang boleh diambil oleh masyarakat antarabangsa dalam kempen terhadap keganasan.

"Dr Mahathir telah menjelaskan yang Malaysia tidak menerima keganasan dan ia akan menyertai tindakan antarabangsa melawan rangkaian pengganas. Malaysia sudah tentu menyokong resolusi Bangsa-bangsa Bersatu dan mandat untuk memburu al-Qaeda yang bertanggungjawab bagi tragedi 11 Sept.

Mandelson, salah seorang daripada perancang utama dalam kejayaan Parti Buruh pada pilihan raya 1997 berkata sokongan kuat daripada negara-negara yang sama kedudukan seperti Malaysia adalah penting dalam melawan ancaman keganasan antarabangsa.

"Sudah pasti di mana ada tentangan terhadap keganasan dan ke mana kempen antarabangsa itu beralih ialah satu hal bagi perbincangan antarabangsa dan saya tahu yang kerajaan Malaysia dan Britain serta kedua-dua Perdana Menteri kita akan berbincang dalam minggu-minggu dan bulan-bulan akan datang mengenai tindakan terbaik yang boleh diambil oleh masyarakat antarabangsa," katanya.

Mandelson yang kini berada dalam rangka lawatan ke empat negara Asean juga berkata bahawa hubungan antara London dan Kuala Lumpur dan juga antara Blair dan Dr Mahathir adalah lebih "akrab berbanding sebelum ini".

Mandelson berkata hubungan tradisional antara Malaysia dan Britain mengikut sejarah kini tidak sepenting hubungan perdagangan dan pelaburan yang mengikat bersama kedua-dua negara.

"Ia sangat penting bagi ekonomi Malaysia dan ekonomi Britain. Saya mahu melihat ia diperkukuhkan di masa depan," katanya.

Beliau berkata oleh kerana "kekuatan besar" ekonomi Malaysia dan asas perdagangan yang telah berubah, eksport Malaysia kini melebihi import ke Britain dengan eksport utama merupakan produk siap dan barangan elektronik.

Dengan hanya tinggal beberapa hari lagi untuk ulang tahun pertama serangan 11 Sept di Amerika Syarikat, Mandelson juga ditanya mengenai pengajaran yang Amerika dan rakyat Amerika boleh belajar daripada tragedi itu.

"Saya rasa adalah penting yang setiap anggota masyarakat antarabangsa mengenal pasti punca dan simptom, yang menjadi akar umbi keganasan. Pada

pandangan saya kemiskinan tidak menyebabkan keganasan tetapi ia menawarkan persekitaran di mana pengganas boleh mengambil kesempatan dan berkembang subur.

" Dan apabila timbul konflik, ia membuka pintu bagi pengganas untuk meraih sokongan dan untuk mengesahkan kewujudan mereka, satu yang memikat penduduk tempatan. Asia Barat dan konflik antara Palestin dan Israel merupakan satu daripada contoh konflik seperti itu," kata beliau.

Beralih kepada konflik Ireland Utara yang berlarutan lebih 30 tahun, bekas Setiausaha Negara bagi wilayah itu berkata kemajuan yang besar telahpun dicapai dalam usaha-usaha keamanan untuk menamatkan konflik itu selepas Perjanjian Keamanan ditandatangani, iaitu Perjanjian Good Friday, pada 10 April 1998.

"Kita mempunyai semua pihak sekarang, setiap fahaman politik kini duduk bersama dalam kerajaan menjalankan hal ehwal mereka sendiri dan menentukan arah masa depan mereka. Sudah pasti, ada permasalahan tetapi jalan penyelesaian dan rangka kerja sudah pun diwujudkan dan saya boleh katakan ia menandakan satu kejayaan bersejarah bukan sahaja bagi kerajaan British pimpinan Perdana Menteri Tony Blair tetapi bagi semua pemimpin politik dan penduduk Ireland Utara," kata beliau.

-- BERNAMA

AU AU PR